

UNTUK SIARAN SEGERA

Unit Polis Bantuan Sime Darby Property Rai Tujuh Tahun Perkhidmatan dengan Perbarisan Kehormat

- 90 anggota Polis Bantuan diberi penghormatan atas prestasi dan tugas barisan hadapan mereka kepada komuniti;
- Acara ini menampakkan kerjasama dan hubungan baik antara Sime Darby Property dan PDRM.

ARA DAMANSARA, 1 OGOS 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) menyambut ulang tahun ketujuh unit Polis Bantuannya (‘Auxiliary Police’ atau “AP”) dengan majlis perbarisan kehormat di Universiti Putra Malaysia (“UPM”) di Serdang.

Seramai 90 anggota AP menerima pengiktirafan bagi prestasi cemerlang dalam khidmat masyarakat, terutamanya melalui penguatkuasaan undang-undang. Anggota AP sedia melindungi kakitangan dan harta benda daripada ancaman serta menyediakan perkhidmatan pemeriksaan keselamatan, rondaan dan pengawalan di seluruh premis dan perbandaran Sime Darby Property di seluruh negara.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican menekankan peranan penting yang dimainkan oleh AP dalam menjaga operasi dan aset organisasi, dan menyatakan komitmen Syarikat dalam menyokong kakitangannya menerusi peluang latihan dan pembangunan yang berterusan.

“Keselamatan dan kesejahteraan komuniti, para penduduk serta komuniti perniagaan di seluruh 25 perbandaran dan pembangunan Syarikat adalah amat penting, dan kami berterima kasih kepada unit Polis Bantuan kerana kekal menjaga mereka,” kata Dato’ Azmir Merican.

Dato’ Azmir berkata: “Anggota Polis Bantuan memberi kesan secara langsung kepada komuniti dengan memastikan perbandaran-perbandaran Syarikat adalah selamat untuk para penduduk. Intipati Polis Bantuan terletak pada komitmennya untuk memperkuatkkan usaha PDRM dalam menjaga kawasan-kawasan di mana mereka bertugas. Sebagai sekutu, mereka merupakan tonggak yang penting dalam memperkasakan komuniti dan melindungi negara kita.”

Unit AP Sime Darby Property ditubuhkan pada 2015 dan diiktiraf secara rasmi oleh PDRM pada 25 Mei 2016. Seramai 126 kakitangan kini sedang aktif berkhidmat untuk unit tersebut diwakili 97 anggota lelaki dan 29 anggota wanita.

Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan berkata pasukan polis persekutuan mengamanahkan setiap anggota AP untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh keikhlasan dan dedikasi dalam menjaga keamanan negara.

"Polis Bantuan ialah simbol keselamatan. Sebagai entiti penguatkuasa undang-undang, mereka memainkan peranan yang penting untuk memastikan keselamatan awam. PDRM serta komuniti mendapat manfaat yang besar daripada sokongan, dedikasi dan nilai yang mereka berikan," kata Dato' Hussein.

Tambah Dato' Hussein: "Bersatu dalam matlamat, anggota Polis Bantuan membuktikan kekuatan dan daya tahan sebuah negara yang dilindungi oleh keharmonian di antara pelindung serta rakyatnya."

Turut hadir di acara ini adalah Timbalan Ketua Polis Selangor, DCP Dato' Sasikala Devi Subramiam; Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, SAC Mohd Zaini Abu Hassan; Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Ir. B.T. Hang Tuah Baharudin, dan Presiden, Persatuan Polis Bantuan Malaysia, Tuan Haji Mohd Razali Abd Aziz.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com